

# BH

## Berita Harian

MERENTAS GENERASI

3 JULAI 2012

# ‘Membudayakan CTI’

» *Najib mahu penjawat awam pertingkat tahap penyampaian*

Oleh Magendran Rajagopal  
magendran@bharian.com.my

Putrajaya

Kakitangan awam perlu membudayakan konsep kerja cepat, tepat dan berintegriti (CTI) bagi memastikan rakyat selaku pelanggan mendapat kepuasan daripada perkhidmatan kerajaan.

Justeru, CTI harus disokong khidmat yang ada produktiviti, kreativiti dan inovasi atau PCI kerana tanda aras bagi tahap kepuasan rakyat serta masyarakat secara umum meningkat saban hari.

Datuk Seri Najib Razak berkata, dalam pertemuan dengan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Dr Ali Hamsa, beliau tekankan khidmat kakitangan awam perlu dikenali dengan beberapa ciri sebagai panduan, sekali gus menjadi penegasan dan tumpuan.

“Kerajaan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dan melakukan secara terancang untuk meningkatkan prestasi. Kita tidak boleh berurusan seperti biasa, sebaliknya dalam ingatan kita perlu ada

sedikit sebanyak panduan yang ingin diberikan dalam penugasan sehari-hari.

“PCI dan CTI mencerminkan proses pembaharuan lebih inovatif yang perlu dilakukan kerajaan. Sentiasa mencari idea baru, idea lebih berasas dan tidak begitu konvensional. Apa lebih penting bukan keputusan tetapi keberhasilan,” katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

### Kejayaan mutakhir

Jelas Perdana Menteri, kerajaan sentiasa mencari idea yang ada kelainan dan antara kejayaan mutakhir menepati CTI dan PCI ialah kejayaan mewujudkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Melaka hanya dalam tempoh enam minggu saja.

Katanya, UTC menarik perhatian beliau kerana Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri yang dulunya terpisah dan kerja bersendirian, sekarang berada di bawah satu bumbung beroperasi antara 8.30 pagi hingga 10 malam setiap hari.

Kemudahan itu juga berfungsi sebagai pusat sehenti membolehkan seseorang

membayar cukai tanah, cukai pintu, zakat, cukai pendapatan, saman, tukar MyKad atau mendapatkan pasport antara bangsa.

“Inilah yang saya maksudkan kita sentiasa fikir, cari idea baru di bawah lembayung gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ini satu cara kita terus perjuangkan peningkatan perkhidmatan kepada rakyat,” katanya.

### Rujuk projek eKasih

Perdana Menteri juga merujuk kepada projek eKasih, yang memenangi tempat pertama Anugerah Perkhidmatan Awam (UNPSA) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2012, sebagai pengiktirafan kepada usaha kerajaan mencapai kemiskinan sifar.

Sistem eKasih, yang diselaras Unit Pelaksanaan dan Koordinasi (ICU) Jabatan Perdana Menteri, ialah pangkalan data keluarga miskin peringkat nasional yang boleh diakses dan diguna semua agensi kerajaan dan pihak berkaitan bagi membasmikan kemiskinan.

Kata Najib, pengiktirafan antarabangsa itu bukan calang calang anugerah tetapi yang diberikan PBB dan menjadi satu kebanggaan walau pun ada pihak bermotifkan politik cuba menidakkannya apa yang kerajaan lakukan.